



## **SOALAN LAZIM (FAQ)**

### **BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

### **KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

#### **RUKUN TETANGGA (KRT), PENGURUSAN SKIM RONDAAN SUKARELA (SRS) DAN PENGOPERASIAN TASKA GENIUS PERPADUAN**

##### **A. UMUM**

###### **1. Siapakah sebenar ahli Rukun Tetangga (RT) dan anggota Skim Rondaan Sukarela (SRS)?**

Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela beroperasi di bawah Akta Rukun Tetangga 2012 dan Seksyen 8 (a) Akta Rukun Tetangga 2012 mengatakan bahawa Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga hendaklah mempunyai fungsi dan tugas yang berikut : ‘*untuk menjalankan apa-apa aktiviti bagi meningkatkan dan mengukuhkan semangat kejiranan, perpaduan, muhibah, keharmonian, keselesaan, keamanan, kerjasama, keselamatan, kebajikan, kesihatan, kesejahteraan ekonomi dan kualiti hidup dalam kalangan anggota masyarakat*’.

###### **2. Apakah Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela berpengalaman dalam membantu ahli komuniti semasa musibah/bencana?**

Ya. Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga sedia terdidik dengan semangat kesukarelawanan yang tinggi dan prihatin terhadap permasalahan, musibah dan bencana yang berlaku dalam komuniti seperti membantu mangsa gempa bumi di Ranau tahun 2015, Sabah dan banjir besar di Pantai Timur tahun 2014. Mereka juga selalunya akan turun padang memberi bantuan kepada mangsa yang terlibat dalam apa juu musibah.

###### **3. Apakah Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela mempunyai kerjasama dengan agensi barisan hadapan (*frontliners*)?**

Jawatankuasa Rukun Tetangga sering berganding bahu dan bekerjasama dengan Agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia, Pejabat Daerah, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), RELA, APM dalam mengagihkan bantuan kepada komuniti yang terkesan akibat bencana. Penglibatan Jawatankuasa Rukun Tetangga secara sukarela adalah perlu bagi membantu Agensi Kerajaan yang

kekurangan kakitangan untuk menguruskan bantuan kepada komuniti yang terkesan akibat Covid-19 ini.

**4. Apakah Rukun Tetangga mempunyai kemudahan premis-premis yang boleh digunakan semasa musibah/bencana?**

Ya. Rukun Tetangga mempunyai kemudahan premis-premis seperti Kompleks Perpaduan dan Pusat Aktiviti Perpaduan (PAP) hampir di seluruh negara yang boleh digunakan sebagai Pusat Pengumpulan (*One Stop Centre*) bekalan makanan sebelum diagihkan kepada komuniti.

**B. TATACARA PELAKSANAAN MESYUARAT JAWATANKUASA UTAMA KAWASAN RUKUN TETANGGA DALAM TEMPOH PKPB**

**5. Berapa orang ahli mesyuarat yang boleh terlibat dalam mesyuarat Jawatankuasa Utama Kawasan Rukun Tetangga?**

Tidak melebihi 5 orang.

**6. Adakah semua kawasan Rukun Tetangga (KRT) dibenarkan untuk melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Utama Rukun Tetangga dalam tempoh PKPB?**

Dibenarkan dengan tidak melebihi 5 orang. Namun, tiada sebarang aktiviti dibenarkan di dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

**7. Apakah yang perlu dilakukan sebelum melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa?**

Pengerusi Rukun Tetangga hendaklah menyediakan jadual pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa dan mendapatkan kelulusan Kementerian Perpaduan terlebih dahulu.

**8. Siapakah yang boleh terlibat dalam mesyuarat ini?**

Hanya Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan Penolong Setiausaha sahaja.

**9. Apakah kriteria Ahli Jawatankuasa Utama yang boleh menyertai Mesyuarat Jawatankuasa Utama?**

Sihat tubuh badan (tiada penyakit kronik) dan tiada tanda-tanda kesihatan terganggu.

**10. Bilakah waktu yang dibenarkan untuk melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Utama Rukun Tetangga?**

Antara 8.00 pagi hingga 8.00 malam.

**11. Adakah Ahli Jawatankuasa Utama RT perlu mengamalkan penjarakan sosial (*social distancing*) ketika mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa?**

Setiap Ahli Jawatankuasa Utama RT dikehendaki mengamalkan penjarakan sosial sejauh 1 meter di antara satu sama lain dan mengamalkan langkah-langkah pencegahan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

**12. Apakah tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga dalam tempoh melakukan kawalan pergerakan komuniti sepanjang PKPB?**

Rukun Tetangga hendaklah:

- a) memastikan tiada aktiviti perhimpunan berskala besar dilaksanakan di kawasan komuniti / kejiran;
- b) Sebarang pelaksanaan aktiviti hendaklah mendapatkan kelulusan Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia;
- c) Menasihati komuniti untuk mengamalkan penjarakan sosial sejauh 1 meter di antara satu sama lain;
- d) mana-mana individu yang didapati tidak sihat dinasihati mendapatkan rawatan di Hospital;
- e) Jawatankuasa Rukun Tetangga yang mempunyai premis perlu memastikan semua peralatan dan ruang premis dibersihkan setiap hari dan menjalankan aktiviti disinfeksi;
- f) Jawatankuasa Rukun Tetangga terus proaktif menyampaikan maklumat yang tepat dan betul kepada ahli komuniti setempat melalui *Whatsapp Group Community* atau apa-apa medium secara *online*; dan
- g) Jawatankuasa Rukun Tetangga bertindak untuk menasihati penduduk supaya mematuhi arahan PKPB. Sebarang pelanggaran hendaklah dilaporkan kepada pihak berkuasa.

**13. Apakah tindakan lanjut yang perlu dilakukan oleh Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Utama selepas melaksanakan mesyuarat?**

Memastikan tempat mesyuarat dikemaskan dan disanitasi sebelum meninggalkan tempat mesyuarat.

**14. Selain dari Mesyuarat Jawatankuasa Utama, apakah contoh aktiviti lain atau peranan Jawatankuasa Rukun Tetangga yang boleh dilaksanakan sepanjang tempoh PKPB?**

Contoh aktiviti lain yang boleh dilaksanakan oleh KRT sepanjang tempoh PKPB ini adalah seperti membantu menyediakan Peralatan Perlindungan Diri (*Personal Protective Equipment – PPE*) seperti manfaat yang sedang dilaksanakan oleh beberapa KRT pada masa kini untuk kegunaan petugas barisan hadapan (*frontliners*). Walau bagaimanapun, setiap individu yang menyertai aktiviti perlu mematuhi tataetika seperti yang terkandung dalam arahan PKPB dari segi menjaga keselamatan dan kesihatan terutamanya penjarakan sosial, kebersihan diri serta memakai *face mask* ketika membuat penghantaran serta tidak melebihi 10 orang dalam sesuatu masa.

**C. TATACARA RONDAAN/ KAWALAN DI BAWAH SKIM RONDAAN SUKARELA DALAM TEMPOH PKPB**

**15. Apakah objektif utama melakukan rondaan/kawalan SRS dalam tempoh PKPB?**

- a) Memastikan komuniti mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan sepanjang tempoh PKPB.
- b) Memastikan semua kawasan komuniti di seluruh negara kekal menjadi zon hijau. Zon merah dan zon kuning bertukar menjadi zon hijau.
- c) Memastikan penularan Covid-19 dalam komuniti dapat ditangani dan diurus melalui pelaksanaan langkah-langkah kawalan kesihatan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan pihak berkuasa.

**16. Apakah bentuk kawalan/rondaan yang akan dilaksanakan Skim Rondaan Sukarela (SRS) semasa tempoh PKPB?**

SRS akan melaksanakan rondaan dalam kawasan komuniti serta membantu melakukan sekatan jalan raya di pintu masuk dan keluar utama KRT.

- 17. Adakah semua Skim Rondaan Sukarela (SRS) akan melakukan rondaan SRS dan kawalan pergerakan keluar masuk pemastautin dalam tempoh PKPB?**

Hanya Skim Rondaan Sukarela yang diluluskan Polis DiRaja Malaysia (PDRM), sahaja yang terlibat dalam melakukan kawalan pergerakan keluar masuk dalam kawasan komuniti sepanjang tempoh PKPB.

- 18. Adakah SRS boleh membuat rondaan/Kawalan sepanjang masa?**

Tidak, SRS hanya boleh membuat rondaan/Kawalan sekiranya diperlukan dan hendaklah mendapatkan kelulusan PDRM dan mematuhi SOP yang ditetapkan.

- 19. Berapakah orang bilangan petugas yang akan melaksanakan rondaan/kawalan dalam satu-satu masa dan siapakah yang akan membuat pelantikan petugas?**

Bilangan ahli Skim Rondaan Sukarela yang bertugas untuk mengawal pergerakan keluar masuk di kawasan komuniti / kejiranannya adalah tidak lebih 4 orang dalam satu-satu masa (setiap syif).

- 20. Apakah kriteria anggota petugas yang diberi tanggungjawab untuk membuat rondaan/kawalan di Kawasan Rukun Tetangga?**

- a) Sihat tubuh badan (tiada penyakit kronik)
- b) Berumur di antara 21-50 tahun

- 21. Adakah petugas yang melaksanakan rondaan SRS / kawalan keluar masuk ini menerima apa-apa elaun?**

Tidak. Petugas melaksanakan tugas secara SUKARELA.

- 22. Berapa syif rondaan dalam kawasan dan kawalan pergerakan keluar masuk perlu dilakukan dalam masa sehari?**

Terdapat 2 syif rondaan SRS dan kawalan pergerakan keluar masuk. Setiap syif akan mengambil masa selama 4 jam. Masa kawalan adalah bermula dari jam 9.00 malam hingga 5.00 pagi.

- 23. Adakah boleh terdapat petugas yang sama melakukan tugas rondaan/kawalan lebih dari satu syif dalam masa sehari?**

Ketua Peronda hendaklah memastikan petugas yang dilantik bertugas tidak melebihi dua syif dalam masa sehari.

**24. Apakah tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh petugas ketika melakukan rondaan SRS / kawalan pergerakan komuniti sepanjang PKPB?**

Skim Rondaan Sukarela hendaklah:

- a) Membuat rondaan dalam kawasan RT yang ditetapkan dan membuat kawalan keluar masuk penduduk di kawasan komuniti / kejiran masing-masing;
- b) Mengamalkan penjarakan sosial (*social distancing*) sejauh 1 meter di antara satu sama lain ketika melaksanakan rondaan/kawalan;
- c) Memastikan tiada aktiviti perhimpunan berskala besar dilaksanakan di kawasan komuniti / kejiran;
- d) Mana-mana individu yang didapati tidak sihat dinasihati mendapatkan rawatan di Hospital;
- e) Petugas yang menjalankan tugas perlu memastikan semua peralatan dan ruang premis dibersihkan setiap hari dan menjalankan aktiviti disinfeksi;
- f) Petugas hendaklah terus proaktif menyampaikan maklumat yang tepat dan betul kepada ahli komuniti setempat melalui *Whatsapp Group Community* atau apa-apa medium secara *online*; dan
- g) Petugas hendaklah bertindak untuk menasihati penduduk supaya mematuhi arahan PKPB. Sebarang pelanggaran hendaklah dilaporkan kepada pihak berkuasa.

#### **D. TATACARA PENGOPERASIAN TASKA GENIUS PERPADUAN**

**25. Adakah semua Taska Genius Perpaduan beroperasi di seluruh Negara?**

Ya, Taska Genius Perpaduan akan beroperasi di seluruh Negara pada 11 Mei 2020 kecuali di Kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Waktu operasi adalah berdasarkan SOP bagi Sektor Jagaan Sosial (Taska) yang dikeluarkan oleh MKN.

**26. Apakah langkah-langkah persediaan Taska Genius Perpaduan dalam Pencegahan Penularan wabak Covid-19?**

Langkah-langkah yang perlu diambil sebelum pengoperasian taska:

- a) Pendidik dan Pembantu Pendidik bebas gejela Covid-19 dan perlu mengisi borang akuan pengisyiharan kesihatan;
- b) Pembersihan dan sanitasi taska secara menyeluruh;
- c) Memberi taklimat kepada ibubapa/penjaga berkaitan dengan Panduan Pencegahan Penularan Covid-19 Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Bagi Keselamatan Warga Taska;

- d) Mengisi Borang Akuan Pengisytiharan Kesihatan kanak-kanak oleh ibubapa/penjaga dan warga taska sebelum beropersi;
- e) Menyediakan *hand sanitizer* atau memastikan semua warga taska kerap mencuci tangan; dan
- f) Penggunaan *face mask* dalam kalangan kakitangan sepanjang masa berada di Taska.

**27. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil sekiranya terdapat warga taska di sahkan positif ?**

- a) Menutup taska serta merta ;
- b) Berhubung dengan Pejabat Kesihatan yang berdekatan dengan segera untuk mendapat khidmat nasihat; dan
- c) Melakukan sanitasi mengikut panduan yang ditetapkan oleh KKM

**28. Berapa kaliakah Taska Genius Perpaduan akan menjalankan proses sanitasi dan pembasmian kuman semasa pengoperasian taska?**

Proses sanitasi dan pembasmian kuman akan dilaksanakan sekurang-kurangnya dua (2) kali sehari bagi memastikan tahap kesihatan dan keselamatan warga taska.

**29. Dimanakan ibubapa/penjaga boleh mendapatkan maklumat berkaitan dengan Panduan Pencegahan Penularan Covid-19 Pasca Perintah Pergerakan Bagi Keselamatan Warga Taska Genius Perpaduan?**

Maklumat boleh didapati melalui laman web:

- a) Majlis Keselamatan Negara (MKN) [www.mkn.gov.my](http://www.mkn.gov.my)
- b) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) [www.jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my)
- c) Kementerian Perpaduan Negara (KPN) [www.perpaduan.gov.my](http://www.perpaduan.gov.my)

**30. Bilakah waktu operasi Taska Genius Perpaduan?**

Taska Genius Perpaduan akan beroperasi pada jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang.

**31. Adakah kanak-kanak akan menjalankan penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu meter didalam taska?**

Penjarakan sosial hanya tertakluk kepada waktu makan minum dan tidur sahaja. Waktu aktiviti dan pembelajaran tiada penjarakan tetapi dihadkan. Aktiviti secara berkumpulan adalah dilarang sama sekali .

Sekiranya terdapat keperluan berkenaan urusan rasmi atau hal ehwal semasa berkaitan Kementerian Perpaduan Negara atau agensi di bawahnya orang awam boleh menghubungi nombor di bawa :

**Bilik Gerakan Operasi Covid-19  
Kementerian Perpaduan Negara**

Encik Magedran a/l Muniandy  
No. Tel: 019-2516095  
Emel: [magedran@perpaduan.gov.my](mailto:magedran@perpaduan.gov.my)

Encik Roslan bin Seman  
No. Tel: 013-9358009  
Emel: [roslan@perpaduan.gov.my](mailto:roslan@perpaduan.gov.my)

Emel: [bilikgerakan@perpaduan.gov.my](mailto:bilikgerakan@perpaduan.gov.my)

**Catatan: Sebarang perubahan terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.**

**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
3 MEI 2020**